

Mengenang jasa Cheng Lock

Oleh MARKUS LIM

KENALKAH generasi muda dengan nama pemimpin seperti Datuk Onn Jaafar, Tun Tan Cheng Lock, Tun Leong Yew Koh dan Tun V.T. Sambanthan? Jawabannya, mungkin tidak ramai, kalau adapun hanyalah mereka yang benar-benar mendalami sejarah negara ataupun mereka yang peka perkembangan politik semasa.

Menyedari ada jarak antara generasi muda dan pemimpin-pemimpin veteran, MCA buat julung-julung kalinya dalam sejarah 58 tahun penubuhannya telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa Mengenai Tun Tan Cheng Lock anjuran MCA School of Political Studies baru-baru ini.

Bertempat di auditorium Wisma MCA, Persidangan Antarabangsa Mengenai Tun Tan Cheng Lock merupakan sebahagian daripada siri acara anjuran MCA sempena ulang tahun Hari Kemerdekaan negara yang ke-50.

Penganjuran persidangan tersebut merupakan kesinambungan daripada beberapa aktiviti sampingan anjuran MCA sebelum ini dalam mengenang kembali jasa Cheng Lock kepada pembangunan parti dan kemerdekaan Tanah Melayu.

Di bawah kepimpinan Cheng Lock, MCA telah membantu menubuhkan kampung-kampung baru, mendapatkan hak kerakyatan untuk masyarakat Cina dan menghalang British daripada mengusir keluar kira-kira 500,000 masyarakat Cina dari Tanah Melayu. Yang pasti, ini bukan kali pertama pengasas MCA itu diberikan penghormatan sebegini rupa.

Beberapa tahun lalu, hasil kerjasama dengan seorang penerbit tempatan, MCA telah menghasilkan sebuah drama audio yang dimuatkan dalam cakera padat memaparkan perjuangan dan pencapaian Cheng Lock.

Selain itu, sebuah drama televisyen yang memaparkan kehidupan mendiang presiden pertama MCA berkenaan turut diterbitkan, begitu juga dengan usaha menamakan sebatang jalan di ibu negara bersempena dengan nama mendiang.

Persidangan sehari itu menyaksikan seramai 16 ahli akademik dari dalam dan luar negara termasuk dari Singapura, China dan Hong Kong menyampaikan syara-

UM-13/3/2007.
Apa yang menjadikan Cheng Lock seorang pemimpin yang cukup disegani ialah kemampuan beliau untuk menjalin hubungan rapat dengan pemimpin-pemimpin Melayu ketika itu; Almarhum Tunku Abdul Rahman dan Datuk Onn Jaafar



TAN CHENG LOCK

han bertumpu kepada ideologi politik, pemikiran dan pengaruh mendiang.

Turut hadir termasuklah cucu perempuan mendiang, Tan Siok Choo, Ch'ng Kim See; Ketua Perpustakaan Institut Pengajian Asia Tenggara yang juga calon Doktor Falsafah yang kini sedang menghabiskan disertasi mengenai Cheng Lock serta Quek Jin Teck; pengarang buku berjudul *Tun Tan Cheng Lock: A Biography*.

Bagi MCA, penganjuran persidangan kali ini amat signifikan kerana ia menandakan bermulanya usaha penganjuran persidangan tahunan mengenai Cheng Lock walaupun pada dasarnya, idea tersebut masih dipertimbangkan ketika ini.

Ka Ting juga pernah menyatakan kemungkinan MCA mewujudkan sebuah pusat penyelidikan di dalam sebuah institusi pengajian tinggi dan dinamakan sempena

dengan nama mendiang. Jelasnya, pusat penyelidikan berkenaan boleh digunakan oleh ahli akademik dan intelektual untuk menjana idea-idea bernas terhadap isu-isu berkaitan dengan pembinaan bangsa.

Sungguhpun Cheng Lock merupakan pemimpin kepada sebuah parti politik berbangsa Cina dan datang dari latar belakang berpendidikan tinggi, namun kedudukan itu tidak menghalang mendiang untuk terus mengutarakan isu-isu utama yang membelenggu negara dan masalah lain dalam kalangan penduduk biasa.

Selain memperjuangkan kepentingan masyarakat Cina, Cheng Lock juga peka dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu ketika itu.

Keprihatinan Cheng Lock terhadap masalah masyarakat Melayu terserlah apabila mendiang pernah meminta agar bantuan ekonomi disalurkan kepada mereka yang memerlukan. Jerih payah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan Melayu turut mendapat perhatian mendiang.

Apa yang menjadikan Cheng Lock seorang pemimpin yang cukup disegani ialah kemampuan beliau untuk menjalin hubungan rapat dengan pemimpin-pemimpin Melayu ketika itu; Almarhum Tunku Abdul Rahman dan Datuk Onn Jaafar. Bagi Cheng Lock, Tunku dan Datuk Onn, mereka sanggup mengetepikan ego dan kepentingan peribadi ketika membincangkan isu-isu panas seperti kerakyatan dan negara bangsa.

Dalam keghairahan membincangkan isu-isu panas, tidak mustahil timbulnya percanggahan pendapat malah pernah satu ketika, timbul pertengkaran sesama mereka. Tapi apa yang benar-benar membezakan mereka dengan pemimpin politik lain ialah keikhlasan untuk berjuang dalam satu hala tuju yang sama ketika itu iaitu menamatkan imperialisme British. Dan ternyata, semangat berkenaan berjaya menyatukan mereka.

Hubungan mesra Cheng Lock dengan pemimpin-pemimpin Melayu terutamanya Almarhum Tunku cukup terserlah. Buktinya, Tunku akan singgah dan menginap di kediaman Cheng Lock di Jalan Heeren setiap kali Almarhum melawat Melaka. Keakraban dan penghormatan Tunku terhadap mendiang turut ketara dengan keputusan kerajaan memberikan gelaran Tun kepada mendiang pada 1958.

Cheng Lock yang meninggal dunia pada 13 Disember 1960, turut diberikan penghormatan tertinggi apabila diberikan pengebumian negara oleh Tunku sekalipun mendiang tidak menjawat sebarang jawatan dalam kerajaan mahupun sebagai presiden hari.

Dalam satu temu ramah dengan pihak media selepas upacara pengebumian mendiang, Almarhum Tunku menyifatkan kematian Cheng Lock sebagai satu kerugian besar buat Tanah Melayu. Bagi Tunku, Cheng Lock merupakan rakan yang menjadi tonggak utama kepada Parti Perikatan dan kalau tidak kerana sokongan padu mendiang, misi untuk mendapatkan kemerdekaan dari British mungkin tidak kesampaian. Tunku seterusnya meluahkan kata-kata berikut:

"Malaya tidak akan dapat melupakan jasa-jasa Cheng Lock disebabkan apa yang telah beliau lakukan untuk negara ini. Nama mendiang akan sentiasa dikenang sampai bila-bila. Semua rakyat negara ini menghormati dan menyanjung tinggi mendiang sebagai salah seorang daripada pejuang kemerdekaan negara."

Sesungguhnya, pemimpin berkarisma dan berpandangan jauh seperti Cheng Lock sukar dicari gantinya namun semangat serta dasar perjuangan melihat pembentukan sebuah negara berpandukan kepada kehendak rakyat untuk hidup aman damai dan membentuk sebuah masa depan yang cerah perlu diteruskan.

Tanpa sumbangan yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin seperti Tunku, Datuk Onn, Cheng Lock dan Sambanthan, nescaya Barisan Nasional (BN) tidak akan wujud mahupun berada pada landasan kukuh seperti yang anda lihat sekarang. Begitu juga halnya dengan MCA, kerana tanpa kepimpinan cekap Cheng Lock, parti yang berusia hampir enam dekad itu, tidak mungkin dapat memainkan peranannya sebagai pembela masyarakat Cina di negara ini.